

**RIMBA REMBANG**  
White-necked Babbler

FAMILI: Sylviidae  
NAMA SAINTIFIK: *Stachyris leucotis*

**CIRI-CIRI**

Individu dewasa menyerupai spesies Rimba Bertam, *S. nigricollis*, tetapi mempunyai bahagian antara dahi dengan paruh yang berwarna kuning pucat pudar. Pada bahagian pipi, kurang kelihatan warna putih manakala bahagian dada pula berjalur. Kawasan yang berhampiran dengan bahagian telinga berwarna kekelabuan dan terdapat sempadan berwarna putih. Bahagian hujung sayap dan beberapa bahagian pada sayap berwarna pudar.

**SAIZ**

Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz di antara 14-15 sm .

**MAKANAN**

Serangga-serangga kecil dan invertebrata. Adakalanya spesies ini memakan buah-buahan, biji-bijian dan juga madu bunga.

**HABITAT**

Kawasan hutan dipterokap pada ketinggian sehingga ke 800 m dari aras laut.

**BUNYI**

Burung ini mengeluarkan bunyi siulan yang berulang *uu-wi-u-wi*, *uu-wi-u-wi* atau *uui-wi-u-wi*.

**PEMBIAKAN**

Burung ini membina sarang di pinggir kawasan hutan. Sarang yang dibina berbentuk seperti cawan. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 3 biji berwarna putih.

**STATUS**

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.